

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 13 MAC 2023

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 26

Dagangan berhati-hati minggu ini

Dagangan berhati-hati minggu ini

Data inflasi AS dijangka pengaruhi prestasi Bursa Malaysia

✓ Ulasan Pasaran

Bursa Malaysia dijangkakan didagang secara berhati-hati minggu ini dengan tumpuan pekerjaan kepada data inflasi Amerika Syarikat (AS) yang dijadual dikeluarkan pada 14 Mac.

Pengarah Urusan SPI Asset Management, Stephen Innes, berkata buat masa ini, risiko

condong ke arah kadar faedah lebih tinggi oleh Rizab Persekutuan AS (Fed).

"Hala tuju, Bursa Malaysia akan bergantung pada data makro AS akan datang iaitu Indeks Harga Pengguna (IHP) dan senarai pembayaran gaji bukan ladang (NFP) yang akan menentukan sama ada Fed akan kekal dengan kadar kenaikan 25 mata asas atau sebaliknya menerus mesyuarat Jawatankuasa Pasa-

ran Terbuka Fed (FOMC) yang

dijadualkan pada 21 hingga 22 Mac," katanya.

Beliau menjangkakan FBM

KLCI berada pada paras 1,425

hingga 1,450 minggu ini.

Nah, Presiden Penyelidikan

Ekuiti, Rakuten Trade Sdn Bhd,

Thong Pak Leng berkata walaupun dengan ketidaktentuan global, mungkin terdapat peluang pembelian ketika harga murah memandangkan indeks penanda aras menghampiri kedudukan terlebih jauh.

Paras terendah harian

Bursa Malaysia mengalami dagangan yang tidak menentu secara ketara sepanjang minggu ini berikutan sentimen lemah dari Wall Street serta bursa serantau walaupun keputusan Bank Negara Malaysia meningkatkan kadar dasar semalam (OPR) pada 2.75 peratus bagi kali ketiga berturut-turut.

Bursa tempatan berakhir pada paras terendah harian pada Jumaat.

Berasaskan Jumaat ke Ju-

maat, FBM KLCI susut 20.47 mata untuk ditutup pada 1,433.08 daripada 1,453.55 minggu lalu.

Di papan indeks, Indeks FBM Emas susut 138.42 mata kepada 10,450.01; Indeks FBMT 100 merosot 138.27 mata kepada 10,131.49 dan Indeks FBM Emas Syariah turun 141.07 mata kepada 10,572.97.

Indeks FBM 70 kurang 153.72 mata kepada 13,292.89 dan Indeks FBM ACE menguncup 98.94 mata kepada 5,327.79.

Mengikut sektor, Indeks Perkhidmatan Kewangan turun 198.75 mata kepada 15,964.98; Indeks Perlادangan menambah 68.23 mata kepada 6,762.77 dan Indeks Tenaga kurang 14.48 mata kepada 857.25.

Indeks Produk dan Perkhid-

matan Perindustrian susut 4.72 mata kepada 172.93.

Jumlah dagangan mingguan merosot kepada 14.02 bilion unit bernilai RM9.72 bilion daripada 16.79 bilion unit bernilai RM10.89 bilion pada Jumaat minggu lalu.

Jumlah dagangan Pasaran Utama susut kepada 9.24 bilion saham bernilai RM8.16 bilion daripada 10.35 bilion saham bernilai RM9.02 bilion minggu lepas.

Jumlah dagangan waran sebanyak 1.76 bilion unit bernilai RM303.70 juta berbanding 1.90 bilion unit bernilai RM297.03 juta.

Jumlah dagangan Pasaran ACE berkurangan kepada tiga bilion saham bernilai RM1.24 bilion daripada 4.16 bilion saham bernilai RM1.56 bilion.

BERNAMA